


BAHAGIAN A – SOALAN OBJEKTIF (20 MARKAH)**Jawab semua soalan.**

1. Rajah di bawah berkaitan dengan institusi raja.



X kemungkinan ialah _____ .

- | | |
|-----------|----------------|
| A. Brunei | C. Malaysia |
| B. Jepun | D. Negara Thai |
2. Antara berikut, yang manakah mempunyai unsur kesenian Islam?
- | | |
|---------------------|---------------------------|
| I Bangunan Parlimen | III Kompleks Dayabumi |
| II Menara Telekom | IV Bangunan Perdana Putra |
- | | |
|-------------|---------------|
| A. I dan II | C. II dan III |
| B. I dan IV | D. III dan IV |

Soalan 3 dan **soalan 4** berdasarkan kenyataan di bawah.

P – Tulisan Jawi
 Q – Tulisan Arab
 R – Bahasa Arab Lama
 S – Bahasa Melayu Lama

3. Apakah tulisan yang terdapat pada Batu Bersurat di Terengganu?
- | | |
|------|------|
| A. P | C. R |
| B. Q | D. S |
4. Apakah bahasa yang digunakan pada Batu Bersurat tersebut?
- | | |
|------|------|
| A. P | C. R |
| B. Q | D. S |

5. Bilakah Bahasa Melayu ditulis dalam tulisan Jawi?
- Apabila pedagang Arab datang berniaga di Melaka
 - Selepas kedatangan Islam di Tamadun Melayu
 - Selepas masyarakat Melayu pergi ke Mekah
 - Selepas Batu Bersurat di Terengganu dijumpai
6. Bilakah Bahasa Melayu mula berkembang di Malaysia?
- Pada zaman Kesultanan Melayu Melaka
 - Pada zaman penjajahan British
 - Selepas Persekutuan Tanah Melayu mencapai kemerdekaan
 - Apabila Tun Abdul Razak menjadi Perdana Menteri
7. Apakah bahasa pengantar di sekolah yang berjaya memupuk perpaduan rakyat Malaysia?
- Arab
 - Cina
 - Inggeris
 - Melayu
8. Semua yang berikut merupakan lambang atau identiti negara, **kecuali**
- Jata Negara
 - Bunga raya
 - Bendera Jalur Gemilang
 - Lagu Bahasa Jiwa Bangsa
9. Bagaimanakah pihak British melindungi kepentingan perdagangannya di Tanah Melayu daripada kemaraan kuasa-kuasa asing lain di Asia Tenggara?
- Mengadakan hubungan diplomatik dengan kuasa luar
 - Melancarkan peperangan ke atas kuasa luar
 - Menguasai negeri-negeri di Tanah Melayu
 - Mendapatkan bantuan dan sokongan daripada para pedagang

Soalan 10 berdasarkan jadual di bawah.

Negeri	Tokoh
Perak	Dato' Maharaja Lela
Naning	Dol Said
Kelantan	X

10. Tokoh X kemungkinan ialah _____ .
- Mat Kilau
 - Mat Salleh
 - Tok Janggut
 - Rentap

11. Apakah persamaan tokoh-tokoh pejuang tempatan yang berikut?

Abdul Rahman Limbong

Dato Bahaman

- A. Menentang campur tangan Inggeris
B. Melindungi kepentingan British di Tanah Melayu
C. Menuntut kemerdekaan daripada British
D. Menyelesaikan pertelingkahan antara British dan pembesar tempatan
12. Siapakah yang mengetuai Rombongan Merdeka ke London untuk merundingkan kemerdekaan Tanah Melayu?
- A. Tunku Abdul Rahman
B. Tun Abdul Razak
C. Tun Tan Cheng Lock
D. Tun V.T Sambanthan
13. Dalam rundingan kemerdekaan Tanah Melayu, satu perjanjian telah ditandatangani iaitu Perjanjian London. Apakah kepentingan peristiwa tersebut kepada negara?
- A. Kewujudan negara yang merdeka
B. Pentadbiran semua negeri Melayu diseragamkan
C. Ekonomi Tanah Melayu dimonopoli oleh British
D. Keselamatan Tanah Melayu terjamin daripada ancaman luar
14. Antara berikut, yang manakah benar tentang bidang kuasa Yang di-Pertuan Agong?
- I Ketua Tertinggi Angkatan Bersenjata
II Berkuasa memanggil dan membubarkan parlimen
III Menggubal dan meluluskan undang-undang
IV Menggubal dasar-dasar kerajaan
- A. I dan II
B. I dan IV
C. II dan III
D. III dan IV
15. Warna kuning pada bulan sabit dan bintang pada Jalur Gemilang melambangkan
- A. Agama Islam sebagai agama rasmi negara
B. Kedaulatan Raja-raja Melayu
C. Kesucian moral rakyat Malaysia
D. Perpaduan antara 13 buah negeri dan sebuah kerajaan persekutuan

16. Semua yang berikut adalah berkaitan dengan adab dan tertib menaikkan bendera **kecuali**
- Bendera Malaysia boleh diletakkan di atas tanah semasa hendak menaikannya
 - Orang yang menaikkan bendera mesti berpakaian kemas
 - Bendera mesti dilipat dan disimpan dengan baik selepas digunakan
 - Jangan kibarkan bendera yang koyak dan sudah luntur warnanya
17. Warna merah pada bunga raya melambangkan
- Kesetiaan rakyat terhadap negara
 - Keberanian rakyat menghadapi cabaran
 - Kesanggupan rakyat berkorban untuk negara
 - Perpaduan rakyat yang terdiri daripada pelbagai kaum
18. Antara berikut, yang manakah benar tentang mesej yang disampaikan dalam lirik lagu Negaraku?
- Rakyat perlu taat setia kepada raja dan negara
 - Rakyat perlu hidup bersatu padu
 - Rakyat perlu bersopan dan berbudi pekerti
 - Rakyat perlu berasa bangga dengan pencapaian kemajuan negara
- I dan II
 - I dan IV
 - II dan III
 - III dan IV
19. Jadual di bawah adalah berkaitan dengan bunga kebangsaan.

Negara	Bunga Kebangsaan
Malaysia	Bunga raya
Vietnam	Bakawali
X	Melur Arab

X kemungkinan ialah negara _____ .

- Brunei
 - Singapura
 - Indonesia
 - Filipina
20. Mengapakah kita perlu menghayati dan menghormati lambang negara?
- Menunjukkan negara kita setaraf dengan negara lain
 - Supaya negara tidak dijajah oleh kuasa luar
 - Dapat menunjukkan kesetiaan kepada negara
 - Dapat mewujudkan masyarakat berbilang kaum


BAHAGIAN B – SOALAN SUBJEKTIF (30 MARKAH)**Jawab semua soalan.****A. Isi tempat kosong di bawah ini dengan jawapan yang betul.**

Bahasa Jiwa Bangsa	Rukun negara
Bunga raya	Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu
Bulan sabit	Bersekutu Bertambah Mutu
Negaraku	Perpaduan
Perdana menteri	Bergiliran

1. Yang di-Pertuan Agong dipilih daripada 9 buah negeri Melayu secara _____ selama 5 tahun.
2. Yang di-Pertuan Agong mempunyai budi bicara untuk melantik _____.
3. Bahagian biru pada bendera Malaysia melambangkan _____ antara rakyat berbilang kaum.
4. Lirik lagu _____ menggambarkan kesetiaan rakyat yang tidak berbelah bahagi serta membangkitkan semangat patriotic dan semangat cintakan tanah air.
5. _____ pada bendera Malaysia melambangkan agama Islam sebagai agama rasmi Malaysia.
6. Cogan kata Jata Negara Malaysia ialah _____.
7. Lima bilah keris pada Jata Negara menandakan _____.
8. Tunku Abdul Rahman telah memilih _____ sebagai bunga kebangsaan Malaysia.
9. Bunga raya mempunyai 5 kelopak yang dikaitkan dengan 5 prinsip _____.
10. Lagu _____ menggalakkan rakyat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai kaum menggunakan bahasa Malaysia.

(10 markah)

- B. Lima kelopak bunga raya dikaitkan dengan 5 prinsip rukun negara. Nyatakan lima prinsip tersebut.



- Prinsip 1 = _____

- Prinsip 2 = _____



- Prinsip 3 = _____

- Prinsip 4 = _____

- Prinsip 5 = _____

(5 markah)

C. Lengkapi rajah di bawah.



(5 markah)

D. Isi tempat kosong dengan jawapan yang betul.

Malaysia	Melayu
Bahasa Melayu	Bahasa kebangsaan
Bahasa Malaysia	Selatan Negara Thai
Bahasa Indonesia	Bahasa rasmi
Singapura	Filipina

- Menurut perkara 152 Perlembagaan Persekutuan Malaysia, bahasa kebangsaan negara ialah _____.
- Bahasa Melayu mestilah digunakan sebagai _____ oleh badan-badan kerajaan _____.
- Bahasa Melayu ialah _____ negara Malaysia, Indonesia, Brunei dan _____.
- Di Indonesia, bahasa Melayu dipanggil _____.
- Di _____ bahasa Melayu secara rasminya dipanggil _____.
- Bahasa Melayu juga dituturkan oleh penduduk-penduduk Melayu di _____, _____, Kemboja, Vietnam dan Sri Lanka.

(10 markah)

~ SOALAN TAMAT ~

SKEMA JAWAPAN

Bahagian A:

1. A
2. D
3. A
4. D
5. B
6. A
7. D
8. C
9. C
10. A
11. A
12. A
13. A
14. D
15. B
16. A
17. A
18. D
19. B
20. D

Bahagian B:

Soalan A

1. Bergiliran
2. Perdana menteri
3. Perpaduan
4. Negaraku
5. Bulan sabit
6. Bersekutu bertambah mutu
7. Negeri-negeri Melayu tidak bersekutu
8. Bunga raya
9. Rukun negara
10. Bahasa jiwa bangsa

Soalan B

1. Kepercayaan kepada tuhan
2. Kesetiaan kepada raja dan negara
3. Keluhuran perlembagaan
4. Kedaulatan undang-undang
5. Kesopanan dan kesusilaan

Soalan C

1. Jati diri
2. Perpaduan
3. Identiti/kedaulatan
4. Bahasa ilmu

Soalan D

1. Bahasa melayu
2. Bahasa rasmi / Malaysia
3. Bahasa kebangsaan / Singapura
4. Bahasa Indonesia
5. Malaysia / bahasa Malaysia
6. Selatan negara Thai / Filipina